



## ARTIKEL BDCB

### FAHAMAI PENYATA KAD KREDIT AWDA

Tahukah awda? Menurut Kaji Selidik Kebangsaan Celik Kewangan 2018 yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Dasar dan Strategik (CSPS) dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), hanya 67% daripada responden memahami terma dan syarat kad kredit.

Penyata kad kredit memaparkan ringkasan transaksi-transaksi yang telah dibuat menggunakan kad kredit bagi tempoh bil yang ditetapkan. Apabila menerima penyata, awda dinasihati untuk membaca semua maklumat, terma, nombor-nombor utama dan tarikh utama, serta memastikan bahawa tiada caj yang tidak dibenarkan atau kesilapan dalam penyata awda.

Untuk membantu memahami penyata kad kredit awda, kami ingin mengongsikan ciri-ciri utama yang awda perlu ambil perhatian apabila membaca penyata kad kredit awda di bawah:

*Nota: Bagi kad kredit yang dikeluarkan oleh bank Islam, yuran pentadbiran akan dikenakan bagi pengguna kad kredit yang tidak membayar bil pada tarikh pembayaran yang ditetapkan.*

#### • Tarikh Penyata

Sebagai pemegang kad kredit, awda perlu mengetahui bila tarikh penyata awda dan tempoh masa pembayaran kad kredit tanpa dikenakan pembayaran caj faedah. Ini merujuk kepada kitaran bil pembayaran tanpa faedah yang dikenakan kepada barang belian awda.

#### • Tarikh Akhir Pembayaran

Tarikh akhir pembayaran adalah tempoh masa terakhir untuk awda membuat pembayaran bagi baki yang tertunggak, sebelum pihak bank mengenakan denda/penalti. Pastikan awda ingat akan tarikh akhir pembayaran dan membuat bayaran bulanan tepat pada waktunya bagi mengelakkan pembayaran caj tambahan. Mana-mana baki yang tertunggak serta caj faedah yang tidak dilangsangkan pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan faedah tambahan dan akan dibawa kepada penyata pembayaran seterusnya.

#### • Jumlah Pembayaran Minima

Jumlah pembayaran minima merupakan jumlah minima yang awda perlu bayar pada atau sebelum tarikh pembayaran bagi mengekalkan akaun kad kredit awda. Secara lazimnya, caj jumlah pembayaran adalah berlainan pada setiap bulan tertakluk kepada jumlah pembelian awda, kerana jumlah minima yang dikenakan adalah 8% daripada jumlah keseluruhan baki yang tertunggak. Walau bagaimanapun, awda dinasihatkan untuk membuat pembayaran lebih daripada jumlah minima bagi mengelakkan dikenakan caj faedah yang bertingkat dan mengurangkan tempoh berhutang. Sebahagian pengeluar kad kredit akan menggantung perkhidmatan kad kredit, jika tidak menerima sebarang pembayaran.

#### • Jumlah Baki Terkini

Baki terkini menunjukkan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar. Jika awda tidak membuat pembayaran selama sebulan atau lebih, ini akan tertera di bahagian ‘bayaran lewat’ penyata kad kredit awda. Semakin lama awda tidak membayar tunggakan awda, semakin tinggi denda pembayaran lewat dikenakan. Walau bagaimanapun, jika awda membayar lebih daripada jumlah tertunggak, jumlah tersebut akan diklasifikasikan sebagai “CR”. Ini bermaksud lebihan wang tersebut akan digunakan untuk membayar baki kad kredit awda di bulan seterusnya.

- **Had Kredit**

Had kad kredit awda adalah jumlah maksima yang diperolehi daripada kad kredit awda pada waktu yang ditetapkan. Jika pembelian awda melebihi daripada had kredit awda, pembelian tersebut akan ditolak. Misalnya, jika had kredit awda berjumlah B\$1,000, awda hanya akan dapat membuat pembelian tidak lebih daripada jumlah tersebut. Sebarang pembelian yang melebihi had kredit awda akan ditolak. Tertakluk kepada pengurusan risiko kredit bank, awda boleh memohon tambahan bagi had kredit awda.

### **Tips-Tips Pengurusan Penggunaan Kad Kredit**

- **Bayar keseluruhan baki tunggakan atau sekurang-kurangnya lebih daripada jumlah minima yang ditetapkan**

Tidak membuat pembayaran balik atau melambatkan pembayaran boleh mengakibatkan kesan yang negatif kepada sejarah kredit awda. Selain itu, pihak bank boleh mengenakan denda lewat pembayaran kepada jumlah baki yang tertunggak. Oleh itu, awda dinasihatkan untuk membuat pembayaran secara penuh bagi mengelakkan sebarang caj-caj tambahan.

Walau bagaimanapun, jika awda tidak dapat berbuat demikian, awda dinasihatkan untuk membayar lebih daripada jumlah minima supaya awda dapat melunaskan baki tertunggak dengan segera bagi mengurangkan caj-caj pembayaran.

- **Manfaatkan mata ganjaran kad awda**

Mata ganjaran diberikan kepada pemegang kad kredit berdasarkan pembelian menggunakan kad kredit – Sebagai contoh, satu mata ganjaran diberikan bagi setiap satu ringgit pembelian. Tertakluk kepada program hadiah pengeluar kad masing-masing, awda juga boleh menuntut mata ganjaran awda untuk mendapatkan gift cards, wang, poin kembara. Jadi manfaatlah kebaikan yang boleh diperolehi daripada program tersebut.

- **Elakkan caj faedah kompaun**

Caj faedah kompaun pada kad kredit merujuk kepada caj faedah yang dikenakan ke atas caj faedah yang telah dikenakan sebelum ini bagi baki yang tertunggak. Semakin lama awda tidak membayar balik, semakin tinggi caj faedah perlu awda bayar. Selain itu, membayar bil kad kredit selepas tarikh luput akan mengakibatkan denda lewat pembayaran.

- **Kekalkan laporan kredit dan skor yang baik**

Biro Kredit, Brunei Darussalam Central Bank mengumpul, menyusun dan menyatukan maklumat perbankan dan bukan perbankan (seperti utiliti) di Negara Brunei Darussalam bagi menghasilkan laporan kredit dan skor kredit. Dengan maklumat ini, institusi kewangan boleh menjalankan penilaian kredit bagi permohonan pinjaman. Bagi pemegang kad kredit yang tidak membuat pembayaran setiap bulan, akan dinilai sebagai individu berisiko tinggi. Ini akan memberi impak yang negatif kepada skor kredit awda, dan boleh mengakibatkan pihak institusi kewangan untuk menolak permohonan pinjaman baru awda. Oleh yang demikian, adalah penting bagi awda untuk bersikap bertanggungjawab di dalam membuat pembayaran balik bagi mengekalkan laporan kredit serta skor kredit yang baik.

- **Laporkan pembelian yang tidak sah**

Pemegang kad kredit dinasihatkan untuk menyemak serta mengesahkan butiran penyata dan melaporkan kepada pihak bank jika terdapat sebarang pembelian yang tidak dibuat dalam tempoh masa 14 hari daripada tarikh penyata tersebut. Jika pihak bank tidak dimaklumkan mengenai perkara tersebut tersebut, penyata kad kredit awda akan dianggap sebagai betul dan muktamad.

- **Pastikan kad awda Selamat**

Pemegang kad kredit perlu mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan kad awda disimpan di tempat yang selamat, dan terjaga serta nombor PIN kad awda tidak diketahui oleh orang lain. Jika kad awda hilang, dicuri atau nombor PIN telah didedahkan, awda perlu menghubungi dan memaklumkan bank awda untuk menyekat kad tersebut dengan segera bagi tujuan keselamatan.